

**PULAU LABUAN DALAM JARINGAN PELABUHAN,
PERKAPALAN DAN PERDAGANGAN
(1846-1941)**



**FAKULTI KEMANUSIAAN, SENI DAN WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2017**

**PULAU LABUAN DALAM JARINGAN PELABUHAN,
PERKPALAN DAN PERDAGANGAN
(1846-1941)**

SHARJETTA DEWI BINTI INJIKSIN



UMS

**TESISINI DISERAHKANTUNTUKMEMENUHI
SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH
SARJANA SASTERA**

**FAKULTI KEMANUSIAAN, SENI DAN WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2017**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH


BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL : **PULAU LABUAN DALAM JARINGAN PELABUHAN, PERKAPALAN DAN PERDAGANGAN (1846-1941)**

IJAZAH : **IJAZAH SARJANA SASTERA (SEJARAH)**

Saya **SHARJETTA DEWI BINTI INJIKSIN**, Sesi Pengajian **2013-2017**, mengaku membenarkan tesis Ijazah Sarjana ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tanda (/)



TIDAK TERHAD

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

Disahkan oleh,

SHARJETTA DEWI BINTI INJIKSIN

(Tandatangan Pustakawan)

Tarikh : 13 Mei 2017

(Prof. Madya Dr. Ismail Bin Ali)
Penyelia

PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

13 Mei 2017

.....
Sharjetta Dewi Binti Injiksin
MA1211037T



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : **SHARJETTA DEWI BINTI INJIKSIN**

NO. MATRIK : **MA1211037T**

TAJUK : **PULAU LABUAN DALAM JARINGAN PELABUHAN,
PERKPALAN DAN PERDAGANGAN (1846-1941)**

IJAZAH : **IJAZAH SARJANA SASTERA (SEJARAH)**

TARIKH VIVA : **22 FEBRUARI 2017**



1. **PENYELIA UTAMA**
Prof. Madya Dr. Ismail Ali



2. **PENYELIA BERSAMA**
En. Baszley Bee Bin Basrah Bee

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah SWT yang maha pemurah lagi maha pengasih. Alhamdulilah, segala puji-pujian bagi Allah SWT yang telah mengatur perjalanan alam dan segala peristiwa yang berlaku di dalamnya mengikut ketetapan dan takdir qudrat dan iradat-Nya dan mengurniakan rahmat-Nya, akhirnya dapat saya menyiapkan tesis ini. Terlebih dahulu pengkaji ingin merakamkan setinggi penghargaan dan ribuan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan penghasilan kajian ini. Saya juga ingin merakamkan penghargaan ikhlas dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia saya Prof. Madya Dr Ismail bin Ali di atas bimbingan, dorongan, tunjuk ajar, idea, dan teguran yang membantu dalam menyiapkan hasil kajian ini. Saya juga ingin memberi sekalung penghargaan dan ribuan terima kasih kepada penyelia bersama dalam kajian ini En Baszley Bee bin Basrah Bee yang turut banyak memberikan tunjuk ajar, dorongan, idea serta bimbingan dalam menyiapkan hasil kajian ini.

Pengkaji juga ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada kedua ibu bapa pengkaji, Encik Injiksin bin Usip dan Puan Ruhaine binti Tamin dan adik-beradik yang telah banyak memberikan dorongan dalam menjayakan kajian ini serta menjadi tulang belakang kepada pengkaji. Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih juga kepada sahabat handai saya yang banyak memberikan dorongan dan bimbingan dalam menjayakan hasil kajian ini. Semoga kita semua berjaya dalam apa yang kita lakukan pada masa hadapan. Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada kakitangan Arkib Negeri Sabah, Muzium Wilayah Persekutuan Labuan, Muzium Negeri Sabah, Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah, Perpustakaan Universiti Malaya, Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia dan lain-lain lagi yang tidak dapat saya sebutkan di sini yang telah banyak membantu pengkaji dalam mendapat sumber rujukan ketika menjalankan kajian.

Sekian dan terima kasih.

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Sharjetta Dewi Binti Injiksin
13 Mei 2017

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk memperlihatkan bagaimana perkembangan Pulau Labuan berhubung dari sebuah perkampungan persinggahan nelayan semasa pentadbiran Kesultanan Brunei berubah menjadi sebuah pusat pelabuhan, perkapalan dan perdagangan di bawah pentadbiran British. Pemerintahan yang dijalankan oleh Kesultanan Brunei di Pulau Labuan menunjukkan ketidakcekapan dalam pentadbirannya sehingga membawa penyerahan Pulau Labuan kepada pemerintahan British. Kedatangan kuasa Eropah telah memutuskan hubungan perdagangan di antara Brunei dengan China menyebabkan tanah jajahan Brunei satu persatu jatuh ketangan kuasa Sepanyol. Kemudian diikuti pula dengan Sarawak dan Borneo Utara jatuh ketangan British. Maka dengan ini Brunei meminta bantuan dengan salah seorang pengembara British iaitu James Brooke bagi menyelesaikan masalah tersebut. Justeru itu, Sultan Brunei menawarkan Pulau Labuan kepada British pada tahun 1844. Pembukaan Pulau Labuan sebagai tanah jajahan British pada tahun 1846 telah menukar fungsi Pulau Labuan dari sebuah pangkalan persinggahan kepada sebuah pelabuhan bebas utama di Borneo. Penukar fungsi Pulau Labuan dari sebuah pangkalan persinggahan kepada pelabuhan terancang ini adalah kerana British ingin menjadikan Pulau Labuan sebagai sebuah stesen untuk membangunkan perdagangannya di British Borneo dan kekuatan tentera lautnya di Laut China Selatan. Perubahan yang berlaku ini juga telah membawa kepada satu rantai perkembangan dalam menjadikan Pulau Labuan sebagai pusat pelabuhan, perkapalan dan perdagangan di Borneo.



ABSTRACT

LABUAN ISLAND IN THE NETWORK OF PORT, SHIPPING AND TRADE (1846-1941)

This study aims to show on how the island of Labuan that was once only a stop-over fishing village during the administration of the Sultanate of Brunei, turned into a port hub, shipping port and a trade centre under the British administration. The Government ran by the Sultanate of Brunei over the island of Labuan indicated inefficiencies in administration and finally led to the surrender of Labuan Island to the British rule. The arrival of European powers had cut off the trade relations between Brunei and China. One by one of the Brunei colonies fell into Spain's reign. After that, followed by Sarawak and North Borneo to British. Due to this, Brunei seek help from one of the British adventurers named James Brooke to solve the problem. Hence, Labuan Island was being offered as a gift to British in 1844. The opening of the island of Labuan as a British colony in 1846 had changed the base function of Labuan Island as a stop-over fishing village to a major free port in Borneo. The conversion of the Labuan Island's function from a base lodge to the planned port was due to the British desire to make Labuan Island as a station for developing trade in Borneo and as the British naval forces in the South China Sea. Changed also led to a chain of developments in Labuan Island as a port, shipping and trade centre in Borneo.



SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
<i>ABSTRACT</i>	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	x
SENARAI FOTO	xii
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN	xv
SENARAI LAMPIRAN	xvi
SENARAI GLOSARI	xix
BAB 1: PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Permasalahan Kajian	2
1.3 Objektif Kajian	3
1.4 Sorotan Kajian Lepas	4
1.5 Kepentingan Kajian	9
1.6 Skop Kajian	10
1.7 Metodologi Kajian	11
1.8 Pembahagian Struktur Kajian	12

1.9	Kesimpulan	13
-----	------------	----

BAB 2: LATAR BELAKANG PULAU LABUAN

2.1	Pengenalan	15
2.2	Latar Belakang Pulau Labuan	16
2.3	Labuan dibawah Pengaruh Kesultanan Brunei	24
2.4	Hubungan Awal Kesultanan Brunei Dengan Kerajaan British	32
2.5	Pertapakan British di Pulau Labuan	36
2.5.1	Peristiwa Pembunuhan Pengiran Muda Hashim	40
2.5.2	Insiden <i>Glasgow Chamber of Commerce</i>	43
2.5.3	Perjanjian Perdagangan Dengan Kuasa Amerika	46
2.5.4	Keputusan Akhir British Mengenai Pengilhanan Pulau Labuan	47
2.6	Kesimpulan	71

BAB 3: PENTADBIRAN PULAU LABUAN DI BAWAH KERAJAAN BRITISH

3.1	Pengenalan	74
3.2	Pulau Labuan di Bawah Pentadbiran British	75
3.3	Pembangunan Ekonomi Pulau Labuan	103
3.4	Perkembangan Ekonomi	110
3.4.1	Perdagangan	110
3.4.2	Perlombongan	115
3.4.3	Pertanian	120
3.5	Pembangunan Infrastruktur	125
3.6	Kesimpulan	149

BAB 4: PULAU LABUAN SEBAGAI PUSAT PELABUHAN DAN PERKAPALAN

4.1 Pengenalan	152
4.2 PulauLabuan Sebagai Pusat Persinggahan Perkapalan	153
4.3 Pulau Labuan Sebagai Laluan Perkapalan	185
4.4 Ekonomi Perburuhan di Pelabuhan	190
4.5 Kesimpulan	194

BAB 5: PULAU LABUAN SEBAGAI PUSAT PERDAGANGAN

5.1 Pengenalan	196
5.2 Perkembangan Infrastruktur Pelabuhan Pulau Labuan	197
5.3 Pulau Labuan Sebagai Pelabuhan Entrepot	204
5.4 Aktiviti Import dan Eksport	206
5.5 Hubungan Dagangan di Pulau Labuan	231
5.6 Kesimpulan	236
BAB 6: PENUTUP	238

BIBLIOGRAFI 245**LAMPIRAN** 254

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 3.1 : Senarai Residen Labuan (1907-1941)	103
Jadual 3.2 : Perbelanjaan Pelabuhan Labuan 1848-1868 (£)	127
Jadual 3.3 : Pendapatan Pelabuhan Labuan 1848-1868 (£)	129
Jadual 3.4 : Pendapatan Pelabuhan Labuan 1890-1906 (£)	131
Jadual 3.5 : Perbelanjaan Pelabuhan Labuan 1890-1906	134
Jadual 3.6 : Pendapatan Pelabuhan Labuan 1907-1938 (\$)	140
Jadual 3.7 : Perbelanjaan Pelabuhan Labuan 1907-1938	143
Jadual 4.1 : Bilangan Kapal dan Tan Yang Berlabuh dan Berlepas di Pelabuhan Labuan 1855-1868	154
Jadual 4.2 : Jumlah Kapal Berlabuh dan Berlepas di Pelabuhan Labuan 1855-1868	159
Jadual 4.3 : Bilangan dan Tan Kapal Dengan Kargo dan Dalam Ballast Yang Berlabuh dan Berlepas di Pelabuhan Labuan Tahun 1855-1868	160
Jadual 4.4 : Bilangan dan Tan Yang Berlabuh dan Berlepas di Pelabuhan Labuan 1869-1889	162
Jadual 4.5 : Jumlah Kapal Berlabuh dan Berlepas di Pelabuhan Labuan 1869-1889	164
Jadual 4.6 : Jumlah Kapal Berlabuh dan Berlepas di Pelabuhan Labuan 1880-1889	165
Jadual 4.7 : Jumlah Anak Kapal Yang Berlabuh dan Berlepas Dengan Kapal Wap dan Kapal Layar Tahun 1869-1889	168
Jadual 4.8 : Bilangan dan Tanan Yang Berlabuh dan Berlepas di Pelabuhan Labuan 1890-1906	171
Jadual 4.9 : Bilangan dan Tanan Kapal Dengan Kargo dan Dalam Ballast Yang Berlabuh dan Berlepas Pada Tahun 1890-1906	173
Jadual 4.10 : Jumlah Kapal Berlabuh dan Berlepas Mengikut Destinasi di Pelabuhan Labuan 1890-1897	174

Jadual 4.11 : Jumlah Kapal Berlabuh dan Berlepas Mengikut Destinasi di Pelabuhan Labuan 1898-1906	175
Jadual 4.12 : Bilangan dan Tanan Yang Berlabuh dan Berlepas di Pelabuhan Labuan 1907-1938	180
Jadual 4.13 : Jumlah kapal berlabuh dan berlepas di Pelabuhan Labuan 1920- 1938	181
Jadual 4.14 : Bilangan dan Tanan Kapal Dengan Kargo dan Dalam Ballast Yang Berlabuh dan Berlepas di Pelabuhan Labuan Tahun 1907-1938	184
Jadual 4.15 : Jarak Pelabuhan Utama Dunia Dengan Labuan (Batu Nautika)	190
Jadual 5.1 : Nilai import dan eksport bagi tahun 1852-1868 (£)	208
Jadual 5.2 : Eksport Utama Labuan 1852-1868	209
Jadual 5.3 : Nilai Import Dan Eksport Bagi Tahun 1869-1889 (£)	211
Jadual 5.4 : Import Labuan Mengikut Komoditi 1869-1889	212
Jadual 5.5 : Eksport Labuan Mengikut Komoditi 1869-1889	214
Jadual 5.6 : Nilai Import Dan Eksport Bagi Tahun 1890-1906 (\$)	218
Jadual 5.7 : Eksport Utama Labuan 1890-1906	221
Jadual 5.8 : Nilai Import Dan Eksport Bagi Tahun 1907-1938 (\$)	224
Jadual 5.9 : Import Labuan Mengikut Komoditi 1907-1938	226
Jadual 5.10 : Eksport Labuan Mengikut Komoditi 1907-1938	229


SENARAI FOTO

	Halaman
Foto 2.1 : Gambaran Awal Labuan	25
Foto 2.2 : Kapten Sir Edward Belcher	38
Foto 2.3 : Kapal British Berlabuh di Labuan	41
Foto 3.1 : Rumah Kediaman di Labuan Pada Tahun 1850-an	78
Foto 3.2 : Sir John Pope Hennessy	94
Foto 3.3 : Gambar Pejabat Kolonial dan Mahkamah Pada Tahun 1867	97
Foto 3.4 : Gabenor EP Gueritz	99
Foto 3.5 : Para Pekerja Memunggah Arang Batu di Dermaga Arang Batu Labuan Pada Tahun 1908	117
Foto 3.6 : Memunggah Arang Batu Pada Tahun 1908	125
Foto 3.7 : Jalan Kereta Api Menghubungkan Pelabuhan Victoria Ke Pusat Perlombongan Arang Batu di Tanjung Kubong	135
Foto 3.8 : Landasan Keretapi Menuju ke Pelabuhan Victoria	136
Foto 3.9 : Pelabuhan Labuan	136
Foto 3.10 : Deretan Kedai di Bandar Victoria	137
Foto 3.11 : Hospital Awam Labuan	149
Foto 4.1 : Kapal Berkuda Wap di Pelabuhan Victoria	167
Foto 5.1 : Dermaga Kerajaan Di Pelabuhan Victoria	199

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 2.1 : Carta Alexander Dalrymples Pada Tahun 1774 dan Diterbitkan Pada Tahun 1779	17
Rajah 2.2 : Pelan Gambar Labuan Sekitar Tahun 1865	19
Rajah 2.3 : Lakaran Pemandangan Kampung Air di Labuan Pada Abad Ke-19	21
Rajah 2.4 : Peta Labuan Pada Tahun 1852	23
Rajah 2.5 : Kedudukan Po-Li (Brunei) Mengikut Sejarah China Ketika Zaman Dinasti Liang Hingga Zaman Dinasti Tang	27
Rajah 2.6 : Kapal British di Hadapan Istana Sultan Brunei	39
Rajah 2.7 : Pengiran Raja Muda Hashim	44
Rajah 2.8 : Lukisan Pemandangan Sewaktu Kibaran Bendera <i>Union Jack</i>	64
Rajah 2.9 : Perjanjian Perdagangan dan Persahabatan 1848	66
Rajah 2.10: Mesyuarat Pertama Antara Wakil Pegawai-pegawai British, Wakil Sultan Brunei dan Pembesar Tempatan Mengenai Penyerahan Labuan.	70
Rajah 3.1 : Ilustrasi Pemandangan Petempatan Awal British di Labuan	77
Rajah 3.2 : Carta Organisasi Pentadbiran British di Labuan Tahun 1848	82
Rajah 3.3 : Carta Organisasi Pentadbiran British di Labuan Tahun 1873	83
Rajah 3.4 : James Brooke (Rajah Sarawak)	89
Rajah 3.5 : Senarai Gabenor Labuan (1848-1890)	91
Rajah 3.6 : Struktur Organisasi BNBCC di Borneo Utara	102
Rajah 3.7 : Lakaran Kawasan Perlombongan Arang Batu di Tanjung Kubong	108


Rajah 3.8 : Ilustrasi Pemandangan Pasar Pertama di Labuan	112
Rajah 3.9 : Lakaran Peta Bandar Labuan Pada Tahun 1894	138
Rajah 3.10: Lakaran Bandar Victoria Pada Tahun 1888	144
Rajah 4.1 : Laluan Perkapalan Antara Perlabuhan Utama di British Borneo Dengan Singapura Melalui Labuan	188
Rajah 5.1 : Peta Awal Pulau Labuan	198



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI SINGKATAN

ARL	- <i>Annual Report Colony of Labuan</i>
BNBCC	- <i>British North Borneo Chartered Company</i>
C.O.	- <i>Colonial Office</i>
EIC	- <i>East India Company</i>
F.O.	- <i>Foreign Office</i>
km	- kilometer
LMBBS	- <i>Labuan Miscellaneous Blue Book of Statistics</i>
LOG	- Labuan Official Gazette
mm	- milimeter
NNS	- Negeri-negeri Selat
SSBB	- <i>Straits Settlements Blue Book</i>
\$	- Dollar
%	- Peratus
£	- Pound Sterling




UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI LAMPIRAN

	Halaman
Lampiran A1 : Ilustrasi Rumah Brunei di Labuan Pada Tahun 1885	254
Lampiran A2 : Bandar Victoria Pada Tahun 1888	255
Lampiran A3 : Kuil Orang Cina Dibina Pada Tahun 1852	255
Lampiran A4 : Majlis Pengisytiharan Pemerintahan British di Labuan	256
Lampiran A5 : Jambatan di Bandar Labuan Pada Tahun 1880-an	256
Lampiran A6 : Rumah Kerajaan Pada Tahun 1880-an	257
Lampiran A7 : Jabatan Bomba Labuan (<i>Fire Bridge Of Labuan</i>) Pada Tahun 1935 Yang Terdiri Daripada Ahli-Ahli Pasukan Polis Labuan	257
Lampiran A8 : Kawasan Dermaga Labuan Pada Tahun 1920-an	258
Lampiran A9 : Jalan Utama di Bandar Victoria Tahun 1860-an	258
Lampiran A10 : Terowong Kereta Api di Lombong Arang Batu di Lubok Temiang	259
Lampiran A11 : Peninggalan Rel Kepala Terowong Kereta Api di Bekas Lombong di Lubok Temiang I	260
Lampiran A12 : Peninggalan Rel Kepala Terowong Kereta Api di Bekas Lombong di Lubok Temiang II	261
Lampiran A13 : Bangunan Chimney di Kawasan Arang Batu di Labuan	262
Lampiran A14 : Memorial Bhagat Singh Sindhu	263
Lampiran A15 : Penerangan Berkaitan Pembinaan Memorial Bhagat Singh Sindhu	263
Lampiran B1 : Peta Labuan Yang Menunjukkan Terletaknya Kawasan Arang Batu di Tanjung Kubong Pada Tahun 1852	264
Lampiran B2 : Peta Labuan Pada Tahun 1930	265
Lampiran B3 : Peta Bandar Labuan Pada Tahun 1967	266
Lampiran B4 : Peta Pelabuhan Victoria Pada Tahun 1867	267

Lampiran B5 :	Peta Perancangan di Labuan Pada Tahun 1869	268
Lampiran B6 :	Kawasan Bandar Pulau Labuan	269
Lampiran C1 :	Laporan 1 - Artikel Gabenor Akhir Labuan E.P Gueritz (1903-1906)	270
Lampiran C2 :	Laporan 2 - Artikel Gabenor Akhir Labuan E.P Gueritz (1903-1906)	271
Lampiran C3 :	Laporan 1 - Laporan Mengenai Pentadbiran di Labuan Oleh <i>British North Borneo Chartered Company</i> (BNBCC)	272
Lampiran C4 :	Laporan 2 - Laporan Mengenai Pentadbiran di Labuan Oleh <i>British North Borneo Chartered Company</i> (BNBCC)	273
Lampiran C5 :	Laporan 3 - Laporan Mengenai Pentadbiran di Labuan Oleh <i>British North Borneo Chartered Company</i> (BNBCC)	274
Lampiran C6 :	Laporan 4 - Laporan Mengenai Pentadbiran di Labuan Oleh <i>British North Borneo Chartered Company</i> (BNBCC)	275
Lampiran C7 :	Laporan 5 - Laporan Mengenai Pentadbiran di Labuan Oleh <i>British North Borneo Chartered Company</i> (BNBCC)	276
Lampiran C8 :	Laporan 6 - Laporan Mengenai Pentadbiran di Labuan Oleh <i>British North Borneo Chartered Company</i> (BNBCC)	277
Lampiran C9 :	Laporan 7 - Laporan Mengenai Pentadbiran di Labuan Oleh <i>British North Borneo Chartered Company</i> (BNBCC)	278
Lampiran C10 :	Laporan 8 - Laporan Mengenai Pentadbiran di Labuan Oleh <i>British North Borneo Chartered Company</i> (BNBCC)	279
Lampiran C11 :	Laporan 9 - Laporan Mengenai Pentadbiran di Labuan Oleh <i>British North Borneo Chartered Company</i> (BNBCC)	280
Lampiran C12 :	Laporan 10 - Laporan Mengenai Pentadbiran di Labuan Oleh <i>British North Borneo Chartered Company</i> (BNBCC)	281


Lampiran C13 :	Laporan 11 - Laporan Mengenai Pentadbiran di Labuan Oleh <i>British North Borneo Chartered Company</i> (BNBCC)	282
Lampiran C14 :	Laporan 12 - Laporan Mengenai Pentadbiran di Labuan Oleh <i>British North Borneo Chartered Company</i> (BNBCC)	283
Lampiran C15 :	Laporan 13 - Laporan Mengenai Pentadbiran di Labuan Oleh <i>British North Borneo Chartered Company</i> (BNBCC)	284
Lampiran C16 :	Laporan 14 - Laporan Mengenai Pentadbiran di Labuan Oleh <i>British North Borneo Chartered Company</i> (BNBCC)	285
Lampiran C17 :	Laporan 15 - Laporan Mengenai Pentadbiran di Labuan Oleh <i>British North Borneo Chartered Company</i> (BNBCC)	286



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

GLOSARI

<i>Ballast</i>	-	Bekas berat yang diletakkan di bawah kapal sebagai pengimbang
<i>Bunkering</i>	-	Bekas penyimpanan
<i>Dioptrie</i>	-	Sejenis lampu terang berwarna putih
<i>Fathom</i>	-	Depa
<i>Native</i>	-	Perahu tempatan
<i>Native Craft</i>	-	Perahu seperti bobo dan jungkung
<i>Shaft</i>	-	Terowong



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Pelabuhan, perkapalan dan perdagangan merupakan tiga aktiviti yang tidak boleh dipisahkan dalam pengkajian mengenai sejarah maritim di Borneo. Hal ini kerana setiap aktiviti tersebut akan membawa kepada kewujudan sebuah peradaban maritim manusia yang berbeza mengikut kronologi masa tertentu. Perubahan yang berlaku ini antara lain adalah dari segi jenis perdagangan, teknologi perkapalan dan komoditi yang diperdagangkan. Perkembangan yang berlaku ini adalah penting untuk pembentukan sebuah pelabuhan agar British Borneo dapat meneruskan penglibatannya dalam aktiviti perdagangan dan perkapalan antarabangsa yang semakin pesat menjelang abad ke-20.

British Borneo juga mengalami perubahan dari segi pentadbiran yang turut mempengaruhi pembangunan, perkapalan dan pelabuhan. Sebagai contoh, Kesultanan Brunei yang pernah menguasai sebahagian besar British Borneo menjadi semakin kecil dari segi pentadbirannya setelah terlibat dalam beberapa penyerahan wilayah kepada British sejak akhir abad ke-19 dan ke-20. Penyerahan wilayah ini melibatkan kawasan pesisir yang strategik serta sesuai untuk pembangunan bagi sesebuah pelabuhan. Borneo Utara yang berada di bawah pentadbiran British bermula tahun 1881 melalui penubuhan *The British North Borneo Chartered Company* (BNBCC) semakin berkembang dari segi perdagangan dan perkapalan.

Seterusnya, Pulau Labuan juga terlibat dengan pelayaran dan perdagangan British Borneo. Hal ini adalah disebabkan apabila Pulau Labuan menjadi salah satu pelabuhan British Borneo yang dinamakan sebagai Pelabuhan Victoria bagi

menghubungkan pelayaran ke Hong Kong dari Laut China Selatan. Justeru itu secara langsung ianya dapat menghubungkan hubungan perdagangan dan perkapalan antarabangsa di British Borneo dengan pelabuhan yang lain. Sebelum itu, Perjanjian Persahabatan dan Perdagangan 1847 antara Kerajaan British dan Kesultanan Brunei merupakan titik-tolak kepada kemunculan Pelabuhan Pulau Labuan. Hal yang demikian dapat diketahui dengan lebih mendalam lagi setelah melihat kepada kajian yang akan dibuat dalam penulisan akademik ini iaitu mengenai Pulau Labuan dalam jaringan perdagangan dan pelabuhan di Borneo pada tahun 1846 hingga 1941.

1.2 Permasalahan Kajian


Pulau Labuan pada awalnya berada di bawah penguasaan Kesultanan Brunei sekitar akhir abad ke-16 iaitu sebelum kedatangan kuasa British. Semasa di bawah kekuasaan Kesultanan Brunei, pulau ini merupakan tempat persinggahan para nelayan dan juga dijadikan sebagai tempat untuk membaiki pukat serta mendapatkan bekalan air bersih oleh mereka. Selain itu, Labuan turut menjadi laluan perkapalan untuk ke Brunei. Wujudnya beberapa masalah ketika Labuan berada di bawah kekuasaan Kesultanan Brunei menyebabkan Labuan diserahkan kepada Kerajaan British.

Pembukaannya sebagai tanah jajahan British pada tahun 1846 telah menukar fungsi Pulau Labuan dari sebuah pangkalan persinggahan kepada sebuah pelabuhan bebas utama British di Borneo pada tahun 1848. Selain itu, pembukaan Pulau Labuan juga menjadikan British Borneo sebagai destinasi para pedagang.¹ Setelah pembukaan Pulau Labuan, lebih banyak pelabuhan yang lain turut dibuka di British Borneo.²

¹ Hanizah Hj. Idris, *Perdagangan Pelabuhan di Borneo*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2006, hlm. 73.

² *Ibid.*, hlm. 78.

Penukaran fungsi Pulau Labuan dari sebuah pangkalan persinggahan kepada pelabuhan terancang ini adalah kerana British mahu menjadikan pulau ini sebagai sebuah stesen untuk membangunkan perdagangannya di British Borneo dan kekuatan tentera lautnya di Laut China Selatan. Dalam masa yang sama, perubahan yang berlaku ini telah membawa kepada satu rantaian perkembangan dalam bidang perdagangan dan perkapalan di Pulau Labuan kerana kedua-duanya saling berkait rapat dengan perkembangan yang berlaku di Pelabuhan Labuan. Kerajaan British secara rasminya mula memerintah Pulau Labuan pada tahun 1846 sehingga tahun 1941 melalui tiga era pentadbiran iaitu Kerajaan British (1846-1889), British North Borneo Chartered Company (1890-1906) dan Negeri-negeri Selat (1907-1941). Melihat kepada hal ini, hanya sedikit sahaja kajian mengenai sejarah Pulau Labuan yang membincangkan mengenai pembangunan Pulau Labuan semasa berada di bawah pentadbiran British dan berubah menjadi sebuah pusat pelabuhan, perkapalan dan perdagangan secara terfokus.



Berikutan kesedaran wujudnya kelompongan ini, pengkaji mengambil inisiatif untuk melakukan kajian ini bagi melihat bagaimana perkembangan Pulau Labuan diserahkan kepada Kerajaan British. Di samping itu, pengkaji juga ingin melihat mengenai usaha-usaha yang dilakukan oleh British bagi membangunkan Pulau Labuan. Pengkaji juga ingin melihat sejauhmanakah pembangunan yang dibawa oleh pihak British menjadikan Pulau Labuan sebagai sebuah pusat pelabuhan, perkapalan dan perdagangan secara berkaitan di antara satu sama lain.

Berikutan daripada permasalahan kajian ini, wujudnya beberapa persoalan kajian antaranya adalah bagaimanakah British dapat memperolehi Pulau Labuan daripada Brunei. Wujud juga persoalan mengenai peranan British di Pulau Labuan dan perubahan Labuan sebagai pusat pelabuhan, perkapalan dan perdagangan.

1.3 Objektif Kajian

Kajian ini dilakukan adalah untuk memperlihatkan Pulau Labuan sebagai pusat pelabuhan, perkapalan dan perdagangan yang utama di Borneo Utara antara tahun